



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Tindakan beberapa universiti mengeluarkan kenyataan dan menafikan penganugerahan gelaran profesor kehormat kepada seorang pakar motivasi yang terkenal membuktikan masalah gelaran dan ijazah palsu di negara kita cukup serius dan membimbangkan. Justeru, kita perlu menangani masalah ini dengan segera bagi mengelak masyarakat terus ditipu mahupun keliru.

Majlis Profesor Negara (MPN) mendedahkan kes individu yang menggunakan gelaran doktor atau profesor palsu dalam kalangan masyarakat negara ini semakin serius sejak 10 tahun kebelakangan ini. Menurut Timbalan Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan MPN Prof Datuk Dr Abdul Rashid Mohamed, perbuatan terbabit wujud di negara ini melampaui tempoh 20 hingga 30 tahun yang lalu. Namun, menurut beliau, sejak 10 tahun kebelakangan ini perbuatan terbabit semakin menjadi-jadi apabila ramai individu dikesan menggunakan gelaran berkenaan, bagi tujuan kewangan dan meraih penghormatan.

Secara umumnya fenomena ijazah palsu bukanlah suatu yang baru di negara kita. Sebelum ini juga pernah beberapa kali pihak media membuat liputan khas tentang isu ini dan mendedahkan beberapa individu yang disyaki menggunakan gelaran dan kelayakan ijazah palsu. Ini menunjukkan ia semakin menjadi trend dalam kalangan rakyat kita yang tamak dan mengejar pangkat, gelaran, penghormatan serta status. Golongan ini percaya dengan gelaran palsu mereka dapat memperoleh kedudukan dan jawatan tertentu atau meraih populariti mudah demi meraih pulangan tertentu untuk diri sendiri.

Justeru, jika kita tidak tangani isu ini dengan segera pasti ia memberi pelbagai kesan buruk dan negatif kepada masyarakat dan juga negara kita secara keseluruhannya. Misalnya cuba bayangkan seseorang

itu dilantik ke suatu jawatan penting berdasarkan latar belakang ijazah palsu yang dimiliki yang diterima sebagai kelebihan dan kepakaran tertentu. Bukankah tindakan itu bakal mengundang malapetaka yang besar kepada organisasi terbabit kerana individu ini bukanlah pakar yang sebenarnya. Di samping individu ini menyekat peluang orang lain yang lebih jujur dan layak, kita khawatir iakan menyebabkan kerosakan yang teruk kepada semua pihak.

Begitu juga halnya cuba kita bayangkan andai seorang individu itu tampil sebagai pakar dalam bidang kosmetik tertentu dengan gelaran ijazah kedoktoran yang palsu dan mula mengeluarkan pelbagai produk kecantikan kononnya boleh mengubah penampilan dan mencantikkan kulit dan

wajah orang yang menggunakannya. Penulis percaya produk kosmetik itu tidak tulen dan bakal memberi kesan negatif yang teruk kepada penggunaannya, termasuk membahayakan nyawa. Apakah kita lupa sebelum ini pihak berkuasa merampas ataupun tidak mengiktiraf pelbagai produk kecantikan yang dikatakan tidak mematuhi garis panduan dan piawaian penggunaan bahan sewajarnya untuk menghasilkan produk kecantikan. Penulis percaya ini semua angkara individu yang menipu masyarakat dengan kelayakan yang palsu dan cuba mengaut keuntungan mudah dengan jalan pintas.

Dalam konteks ini kita perlu terima kenyataan betapa pada hari ini begitu mudah untuk seseorang itu memperoleh atau membeli

ijazah palsu. Antara penipuan yang sering dibuat ialah, hasil kajian dihasilkan oleh syarikat pembekal atau ditulis oleh orang lain. Malah ramai juga yang memilih jalan lebih mudah iaitu dengan cara membeli ijazah palsu dalam talian daripada institusi yang memberi pengiktirafan berdasarkan pengalaman individu ataupun membeli daripada universiti yang tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan berdasarkan integriti dan latar belakang kualiti institusi tersebut. Ada juga yang lebih berani dan terdesak apabila sanggup menggunakan teknologi komputer untuk mencetak sendiri sijil palsu. Ini antara modus operandi yang sering digunapakai oleh individu yang tamak, tidak jujur dan berintegriti demi kepentingan peribadi.

Sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan memberi

perhatian yang serius kepada gejala kurang sihat seperti ini. Penglibatan pihak kerajaan dilihat sangat perlu kerana kesan dan akibat yang berpunca daripada gelaran palsu ini dilihat semakin serius dan membimbangkan. Kita tidak mahu rakyat terus ditipu dan menjadi mangsa keadaan. Malah kita khuatir boleh mengancam keselamatan dan kestabilan negara juga. Untuk itu kita cadangkan agar kerajaan mewujudkan sebuah entiti khas yang boleh diamanahkan untuk menangani isu integriti dalam dunia akademik dan pendidikan seperti ini.

Badan khas ini wajar diberi kuasa sepenuhnya untuk menilai dan mengiktiraf semua gelaran mahupun ijazah tertinggi seperti ijazah kedoktoran dan kehormat yang diterima dari institusi yang meragukan terutamanya dari luar negara.

Mungkin sudah tiba masanya untuk kerajaan mewajibkan semua pemegang ijazah kedoktoran, terutama yang diperoleh sebagai ijazah kehormat didaftarkan secara rasmi dengan badan khas tersebut. Dengan cara ini kita bukan saja dapat menilai dan mengiktiraf kedudukan ijazah terbabit malah dapat juga menjadikan itu sebagai pangkalan data kepakaran mahupun direktori kepakaran rakyat kita.

Melalui kaedah ini rakyat yang sangsi, curiga dan was-was dengan gelaran dan kelayakan akademik seseorang individu dapat menyemak kesahihan gelaran tersebut dengan badan khas ini. Malah, dalam konteks positif pula, kita juga mudah mencari pakar yang diperlukan jika dapat mengumpul data mereka di satu pangkalan data yang teratur dan sistematik.

Dalam pada itu penulis ingin berpesan kepada individu yang memegang gelaran palsu ini cukup-cukuplah menipu masyarakat. Jangan sesekali

salah guna gelaran dan ijazah palsu untuk kepentingan peribadi sehingga boleh memudaratkan orang lain. Malah rezeki yang diperoleh itu juga pastinya tidak berkat dan halal kerana bersumberkan ijazah yang palsu atau dibeli dengan mudah. Perlu diingat bukan mudah untuk belajar sehingga memperoleh ijazah kedoktoran. Bukan sedikit pengorbanan, cabaran dan rintangan yang perlu dilalui sebelum memperoleh ijazah kedoktoran dan mendapat status pakar dalam bidang tertentu. Malah, ijazah kehormat juga hanya dianugerahkan kepada individu yang terbukti cukup berpengalaman serta memberikan banyak sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan juga negara. Jadi hormatilah status dan gelaran tersebut dan jangan sesekali guna pintu belakang ataupun jalan pintas untuk meraih gelaran tersebut.

Semoga kes seperti ini akan menyedarkan masyarakat agar tidak mudah percaya dan terpedaya dengan individu yang tampil dengan pelbagai gelaran dan kelayakan. Kita sepatutnya menilai dan mengkaji latar belakang mereka sebelum meletakkan kepercayaan pada mereka. Ingat menyesal dulu ada pendapatan, menyesal kemudian tiada gunanya.

Penulis Ketua Bahagian Ha
Ehwal Pelajar UPM